

UPM institusi pertama di Malaysia terima pengiktirafan Triple Crown Accreditation

Kuala Lumpur: Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SBE), Universiti Putra Malaysia (UPM) mencipta sejarah menjadi institusi pertama di Malaysia yang menerima pengiktirafan Triple Crown Accreditation, sekali gus tergolong dalam elit 120 sekolah perniagaan terbaik dunia.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata pencapaian itu menunjukkan keupayaan universiti awam negara mencapai pengiktirafan antarabangsa dalam bidang pendidikan tinggi.

“Ini kejayaan besar buat UPM, khususnya SBE yang kini mendapat pengiktirafan tiga agensi akreditasi perniagaan paling berprestij dunia termasuk AMBA (UK), AACSB (Amerika Syarikat) dan EQUIS (Eropah).

“Hanya 120 institusi daripada lebih 13,000 institusi di dunia menerima Triple Crown ini sekali gus melonjakkan nama Malaysia di pentas global,” katanya ketika ditemui selepas Program KARISMA Pemikir MADANI Kepimpinan Tertinggi UPM, kelmarin.

Zambry berkata, pengiktirafan itu turut menarik pelajar



Zambry pada Program KARISMA Pemikir MADANI Kepimpinan Tertinggi UPM, kelmarin. (Foto Amirudin Sahib/BH)

serta penyelidik bertaraf antarabangsa datang ke Malaysia.

“Ini adalah contoh terbaik bagaimana universiti tempatan mampu setanding institusi ternama antarabangsa seperti London Business School, INSEAD dan HEC Paris,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, pengumuman program seperti KA-

RISMA itu dapat menjadi platform penting untuk beliau berinteraksi secara langsung dengan pemegang taruh di peringkat universiti.

Katanya, pendekatan ini membolehkan pandangan dan maklum balas dari akar umbi didengar serta diperhalusi, khususnya daripada golongan pelak-

sana dasar.

“Saya berada bersama mereka dan menganggap mereka sebagai sepasukan, jadi di situ saya dapat mendengar dan kita dapat bertukar pandangan dan usaha untuk memperbaiki sistem pendidikan tinggi kita.

“Kita dapat lihat bagaimana kita membina satu semangat ke-

bersamaan dan kita berkongsi bersama dari segi matlamat pendidikan kita.

“Penekanan semangat kebersamaan serta membawa misi MADANI secara bersama itu adalah sangat penting kerana pemahaman yang jelas perlu ada perkongsian idea untuk memajukan sistem pendidikan tinggi negara secara berkesan,” katanya.

Pencapaian selari aspirasi UPM

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Datuk Profesor Ir Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata, pencapaian ini selari dengan aspirasi universiti untuk menjadi pusat pendidikan tinggi bertaraf dunia.

“Akreditasi ini membuktikan universiti awam Malaysia mampu mencapai standard global dan bersaing pada peringkat antarabangsa.

“Pencapaian ini turut menyumbang kepada matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dalam memperkukuh kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa,” katanya.